

Klang and Gombak River Will Be Preserved

Categories: [Archive](#) Published: Oct 04, 2022

27 - Utusan Malaysia - Tuesday, 5 July 2011

Peruntukan RM4 billion bermula tahun ini hingga 2020

Sg. Klang, Gombak akan dipulihara



AHMAD FUAD ISMAIL

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
kota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 4 Julai - Sebanyak RM4 bilion telah diperuntukkan oleh kerajaan bagi tujuan pembersihan dan mencantikkan sungai di bawah projek pemuliharaan, pemuliharaan serta menghidupkan Sungai Klang dan Sungai Gombak yang lebih dikenali dengan nama "Sungai Nadi Kehidupan" (River of Life - RoL).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail berkata, projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) itu akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM3 bilion untuk pembersihan dan RM1 bilion lagi untuk mencantikkan sungai.

Katanya, projek yang bermula tahun ini sehingga 2020 akan mem-

Projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) itu akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM3 bilion untuk pembersihan dan RM1 bilion lagi untuk mencantikkan sungai

AHMAD FUAD ISMAIL
Datuk Bandar Kuala Lumpur

beri penekanan kepada tiga aspek penting iaitu pembersihan, pengindahan dan pembangunan sungai.

Tambahnya, bagi memastikan kerja pengindahan dan transformasi ini dilakukan secara komprehensif dan lestari, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengadakan Pertandingan Pelan Induk RoL un-

tuk memilih syarikat perancang.

"Daripada pertandingan itu, kami telah memperoleh 20 penyertaan yang kemudiannya telah disenarai pendek kepada lima syarikat perancang.

"Lima syarikat itu terdiri daripada tiga buah syarikat luar negara dan dua buah syarikat tempatan

yang akan diberi masa dua bulan untuk menyediakan pelan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar dan Pameran RoL Greater KL/Klang Valley di Institut Latihan DBKL, Bandar Tun Razak di sini hari ini.

Sementara itu, Ahmad Fuad berkata, pemarkahan dan pemilihan syarikat perancang itu pula memerlukan format 80 peratus markah daripada juri dan 20 peratus daripada orang awam.

"Orang ramai boleh terlibat sama dan memilih syarikat perancang ini dengan membuat undian di laman web www.riveroflife.com.my.

"Undian telah dibuka sejak 1 Julai lalu sehingga 28 Julai dan keputusan akan diumumkan pada hujung bulan ini atau 1 Ogos," ujarnya.